NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#22

6 Jun 2024 – 12 Jun 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

Pupuk Federalisme Demi Kemajuan Negara 2

Rasionalisasi Diesel dan Petrol RON95 4

KPM Perlu Tegas Tangani Isu DLP 7

Sarawak Mara Dalam Perdagangan Karbon..... 10

Rakyat Malaysia 'Makan' 37 Kad Kredit Setahun 12

Dinamika Politik Ideologi Selepas Pilihanraya India 15

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Pupuk Federalisme Demi Kemajuan Negara

- Baru-baru ini **Pemangku Sultan Johor** menyatakan kecaknaan baginda terhadap pembangunan negeri Baginda. Baginda mahu kepentingan negeri baginda dijaga sendiri oleh anak-anak Johor, bukan orang lain. Baginda berpendapat bahawa Putrajaya tidak faham sentimen keperluan negeri.

- Rentetan dari titah baginda, MB Johor secara spesifik memohon agar **30 peratus** daripada hasil kutipan dalam negeri dikembalikan kepada Johor. Secara dasarnya, tuntutan Johor ada asasnya. Ia boleh menjadi dorongan kepada kerajaan negeri untuk menggiatkan pembangunan ekonomi negeri.



- Namun timbul juga persoalan, bagaimana nasib bagi negeri yang mempunyai beberapa kekangan dan juga diminta untuk fokus kepada padi dan pertanian seperti Kedah.

- YAB MB Kedah pernah bersuara tentang "kerugian" yang dialami negeri Kedah apabila tanahnya yang cukup strategik seluas 132,000 hektar telah diarah untuk diwartakan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan **tidak dibangunkan bagi kegiatan lain**.

- Akibat daripada pewartaan ini, **cukai tanah** yang mampu dipungut Kedah berjumlah RM2.5 juta setahun. Nilai ini cukup rendah jika dibandingkan kutipan cukai dari kawasan komersial pada keluasan yang sama yang mencecah RM1.7 bilion.

- Hakikatnya **perjanjian Persekutuan Malaysia** telah menyebabkan cukai, hasil khazanah dalam perut bumi dan lautan mesti dilepaskan oleh negeri kepada

Kerajaan Persekutuan. Timbal balas atas "kesudiaan" negeri menyerahkan hasil mahsul mereka kepada pusat, maka kerajaan pusat perlu menyalurkan dana dan segala bentuk kewangan kepada semua negeri, tanpa mengira apa jua status negeri. Ini bertepatan dengan perjanjian yang dimeterai.

- Maka tuntutan negeri Johor harus dipertimbangkan sedalam dan seadilnya demi menjaga keharmonian negeri yang membentuk persekutuan Malaysia. Bagi meredakan kekangan ekonomi dan juga keharmonian semangat federalisme, sebaiknya kerajaan mempertimbangkan untuk menaikkan geran perkapita.
- Sudah tiba masanya kadar pemberian kepada negeri mengikut bilangan penduduk perlu ditingkatkan dengan satu formula baru yang diperkenalkan demi menjaga semangat kebersamaan setiap negeri.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/videos/awani745-x7kldw/johor-tuntut-30-peratus-dari-putrajaya-x904hfw
- https://harakahdaily.net/index.php/2024/06/12/wajarkah-tuntutan-kerajaan-johor-mahu-30-hasil-kutipan-negeri/
- https://harakahdaily.net/index.php/2023/08/02/sanusi-usaha-bebaskan-kedah-dari-paksaan-jadi-miskin/

Rasionalisasi Diesel dan Petrol RON95

- Perdana Menteri mengatakan beliau tiada pilihan lain untuk menyelamatkan negara melainkan dengan **rasionalisasi subsidi**. Namun, perlu difahami bahawa struktur rasionalisasi subsidi boleh disusun mekanisme dan tempohnya supaya lebih teratur.
- Dalam pada rakyat mempersoalkan kecekapan sistem PADU, BUDI pula diwujudkan untuk mencapai tujuan yang hampir sama iaitu menguruskan bantuan dan subsidi dengan lebih tersusun.
- Memandangkan hasrat utama dasar ini adalah untuk membanteras **ketirisan subsidi dan penyeludupan hasil** sehingga RM14.3 bilion (2023), adalah lebih baik kerajaan memilih untuk menunggu sistem e-Invois bawah LHDN dilaksanakan.
- Pelaksanaan **e-invois** secara mandatori bagi pembayar cukai dengan perolehan tahunan atau hasil melebihi RM100 juta setahun akan bermula 1 Ogos tahun ini. Bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) pula akan bermula pada 1 Julai 2025. Melalui e-invois, kerajaan melalui LHDN dijangka dapat mengenal pasti sasaran sebenar penyasaran subsidi diesel dan petrol melalui pemantauan perbelanjaan pada masa sebenar (*real-time*).
- Ini penting supaya wang rakyat yang kini digunakan untuk pembangunan pelbagai sistem cermat dibelanjakan dan rakyat tidak dikelirukan dengan kewujudan pelbagai sistem yang masing-masing mempunyai matlamat yang sama.
- Tambahan, kenyataan Timbalan Menteri Kewangan pada 11 Jun juga agak mengejutkan apabila kerajaan dijangka akan meletakkan **had pengisian** mengikut liter bagi program Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

- Semua ini seolah-olah menjadi isyarat bahawa kerajaan **tidak bersedia dan tidak bersepakat** dalam mengatasi masalah ketirisan hasil melainkan dengan menghapuskan subsidi diesel dan petrol kepada pengguna terbanyak. Sedangkan Perdana Menteri boleh memilih untuk membanteras penyeludupan kerana mana mungkin penguatkuasa tidak menyedari kecurian hasil yang sangat besar keluar negara.

- Ramai pihak mengutarakan kebimbangan antaranya, para pengusaha tani yang tidak berdaftar dengan kementerian atau yang mempunyai hasil jualan tahunan bawah RM50,000 tidak layak di bawah BUDI. Pembekal dan pemborong bahan binaan, perkakasan dan sebagainya pula menyatakan mereka terpaksa menaikkan harga disebabkan berlaku kenaikan harga dalam rantaian.



- Menteri KPDN memberi amaran terhadap kenaikan harga yang melampau. Di sini apakah definisi 'melampau' yang dimaksudkan oleh YB Menteri?

- Seterusnya analisis oleh CIMB Treasury and Markets Research dan UOB Global Economics & Markets Research menjangkakan kerajaan bakal mengumumkan **rasionalisasi RON95** dalam pembentangan Belanjawan tahun hadapan. Walaupun sehingga kini tiada makluman konkrit daripada Kabinet, tren media menunjukkan kerajaan dalam persediaan untuk rasionalisasi RON95.

- Ketua Ahli Ekonomi Maybank Investment Bank (Maybank IB), Suhaimi Ilias mencadangkan kerajaan menangguhkan rasionalisasi ini dengan menggunakan dividen yang bakal diperolehi Petronas tahun ini.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/669398/berita/nasional/kad-fleet-di-bawah-skds-ada-had-pengisian-dari-segi-liter---mof
- https://www.malaysianow.com/my/news/2024/06/11/pemborong-pembekal-umum-kenaikan-harga-selepas-putrajaya-batal-subsidi-pukal-diesel
- https://www.malaysianow.com/news/2024/06/11/wholesalers-suppliers-raise-prices-after-diesel-surges-56-under-new-subsidy-scheme

KPM Perlu Tegas Tangani Isu DLP

- Minggu lalu, negara dihebohkan dengan isu 11 Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah menengah Cina di Pulau Pinang membuat kenyataan media terbuka bertegas **menolak arahan terbaru** dikeluarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengenai pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP).
- Kumpulan itu dilaporkan **enggan mengikuti arahan KPM** yang mewajibkan mana-mana sekolah yang mahu melaksanakan DLP agar menyediakan sekurang-kurangnya ada satu kelas mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu.



- DLP adalah program di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang memberi pilihan kepada sekolah **menggunakan bahasa Inggeris** dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains dan Matematik.
- Menurut jurucakap kumpulan itu, Koay Hean Eng, arahan terbaru KPM itu dilihat telah mengabaikan kehendak ibu bapa dan bertentangan dengan hasrat asal DLP iaitu untuk memperkukuh dan melengkapkan pelajar dengan lebih baik dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

- Beliau turut mencadangkan agar KPM menambah baik sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu serta menyemak kaedah pengajaran subjek berkenaan sebagai usaha meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.
- Sementara itu, **Menteri Pendidikan**, Fadhlina Sidek semasa mengulas isu tersebut berkata, KPM mengambil perhatian serius terhadap bantahan berkenaan dan telah mengarahkan pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang untuk memulakan sesi libat urus dengan semua pihak terlibat.
- Menurutnya, **pelaksanaan program DLP** adalah berdasarkan garis panduan seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 5 Tahun 2024: Garis Panduan Pelaksanaan Dual Language Programme Tahun 2024 bertarikh 19 Mac 2024.
- Mendepani cabaran menyelesaikan isu ini, rakyat Malaysia sewajarnya mengambil sikap berlapang dada dan bersama-sama berusaha untuk memperkukuh bahasa Melayu sebagai **bahasa ilmu** dalam setiap disiplin pengajian, tanpa meminggirkan keperluan pemakaian bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dalam beberapa bidang pengajian.
- Penggunaan bahasa Melayu dalam semua instrumen pengajian berupaya membenihkan jati diri bangsa selaras dengan slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang sering dilaung-laungkan. Malahan, bahasa Melayu wajar diutamakan sebagai medium **pengikat bangsa** dan simbol perpaduan bangsa.
- Justeru, KPM dinasihatkan agar bersifat tegas mengemukakan pendirian dalam pelaksanaan dasar DLP ini bagi mengelakkan kementerian ini dilihat '*flip flop*' atau tunduk kepada tekanan mana-mana pihak yang enggan akur kepada apa yang sudah dipersetujui secara kolektif.

- Malahan, isu penggunaan bahasa Melayu di sekolah vernakular kini dilihat wajar **diwacanakan secara ilmiah** selaras dengan seksyen 17, Akta Pendidikan. Seksyen 17(1) menyatakan bahasa kebangsaan hendaklah menjadi bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan kecuali sekolah jenis kebangsaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 28 atau mana-mana institusi pendidikan lain yang dikecualikan oleh Menteri daripada subseksyen ini.
- Sekiranya resolusi kepada isu bantahan ini memerlukan kepada pindaan seksyen berkenaan, maka adalah wajar perbincangan lanjut mengenainya dilakukan oleh KPM. Kesan kepada pindaan seksyen 17 ini dilihat mampu mengharmonikan keadaan dan meletakkan penggunaan bahasa Melayu di semua sekolah seiring dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/707853
- https://www.kosmo.com.my/2024/06/06/kpm-selesai-isu-berbangkit-pastikan-dlp-dilaksana-dengan-baik/
- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/06/1097754/kpm-bincang-isu-bantahan-11-lembaga-sekolah-serta-pibg-di-pulau-pinang
- https://harakahdaily.net/index.php/2024/06/07/pelaksanaan-dlp-kpm-perlu-tegas-tidak-dilihat-flip-flop/

Sarawak Mara Dalam Perdagangan Karbon

- Sarawak yang dahulunya bergantung kepada hasil eksport kayu balak sebagai sumber pendapatan, kini beralih kepada era baru yang mengutamakan usaha **restorasi kawasan hutan**. Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg berkata era restorasi hutan ini merupakan penjana pendapatan baharu kepada Sarawak, khususnya dalam **perdagangan karbon dunia**.

- Malahan, negeri yang satu masa dahulu terkenal dengan istilah "politik kayu balak" itu kini berjaya mengurangkan kadar pembalakan sebanyak kira-kira 2 juta meter padu setahun. Dasar yang diambil ini turut membolehkan Sarawak mengekalkan kira-kira 6**2% kawasan hutan** di negeri itu serta membangunkan sumber pendapatan baru melalui perdagangan karbon.



- Tambahan lagi, Sarawak kini mempunyai 26 Unit Pengurusan Hutan yang telah dipersijilkan merangkumi keluasan 2.38 juta hektar dan tujuh Unit Pengurusan Ladang Hutan meliputi keluasan 97,966 hektar. Ini sekaligus membuktikan bahawa Sarawak kini dalam langkah persediaan bagi **pengurusan hutan secara lestari** terutamanya melalui pensijilan *Forest Stewardship Council* (FSC) dan *Program for the Endorsement of Forest Certification* (PEFC).

- Sebagai langkah persediaan, kerajaan negeri Sarawak telah meluluskan Rang Undang-undang Alam Sekitar 2023 (Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau), Kanun Tanah Sarawak (Simpanan Karbon) 2022 dan Ordinan Hutan

Sarawak (Aktiviti Karbon Hutan) 2022 di mana semuanya bertujuan membolehkan Sarawak melaksanakan transaksi perdagangan karbon.


- Negeri itu juga dalam proses bekerjasama dengan **organisasi antarabangsa dan Bank Dunia** bagi penggubalan protokol yang jelas untuk memastikan dasar perdagangan karbon dapat dilaksanakan dengan baik. Meskipun belum ada protokol yang ditetapkan untuk perdagangan karbon, namun terdapat garis dasar sedia ada untuk mengira simpanan dan prinsip perdagangan karbon berpandukan kepada Protokol London.
- Bagi menyelesaikan masalah ini, kerajaan persekutuan perlu segera memperkenalkan undang-undang perdagangan karbon kerana industri tersebut melibatkan **hubungan antara negara antarabangsa**. Ini termasuklah memperkenalkan strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon (LT-LEDS) yang menggariskan kedudukan sebenar pengimbangan karbon dan kredit Malaysia yang sebelum ini tertangguh semasa COP28 pada tahun lalu.
- Begitu juga memperbanyak **libat urus dengan kerajaan negeri** lain agar turut memperkenalkan undang-undang negeri yang melibatkan perdagangan karbon dan mempergiat usaha ke arah pengurusan hutan secara lestari terutamanya dalam sektor pembalakan dan industri perladangan kelapa sawit.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-lagi-politik-kayu-balak-di-sarawak-abang-johari-473999
- https://www.nst.com.my/news/nation/2024/01/999575/wwf-commends-sarawaks-newly-passed-bill-carbon-emission
- https://www.nst.com.my/business/corporate/2024/02/1009606/govt-completing-lt-leds-document-ensure-net-zero-carbon-emission

Rakyat Malaysia 'Makan' 37 Kad Kredit Setahun

- Berikutan terdapat jurang dalam rangka kerja semasa, kerajaan menerusi Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam sedang mempertimbangkan pengenalan undang-undang khusus untuk menangani masalah **pembuangan dan pencemaran plastik**, selain turut bekerjasama dengan Kementerian Ekonomi untuk membangunkan dasar plastik negara.
- Meskipun terdapat beberapa bandar seperti di Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan Johor yang sudah bergerak pantas, namun di negeri-negeri lain masih perlahan memandangkan sebahagian besar bergantung kepada kerajaan tempatan.
- Respon ini susulan daripada kajian yang diterbitkan dalam jurnal *Environmental Science and Technology* yang menyatakan bahawa Malaysia menduduki tempat pertama dalam kalangan 109 negara dalam **penggunaan mikroplastik** dan tempat kesembilan paling banyak **menyedut zarah mikroplastik**.



- Secara purata, setiap penduduk Malaysia mengambil 502.3 miligram (mg) mikroplastik setiap hari - menyamai **37 keping kad kredit** setahun - dengan lebih 50 peratus daripada pengambilan ini datang daripada memakan ikan. Selain itu, Malaysia turut menyedut hampir 500,000 partikel mikroplastik setiap hari per kapita.
- Selain Malaysia, beberapa **negara ASEAN** lain turut berada dalam kedudukan 10 tertinggi seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam. Ini menunjukkan negara perindustrian ditambah dengan kedudukan geografi berhampiran sungai dan laut mendorong rakyatnya terdedah kepada pencemaran mikroplastik menerusi pemakanan hidupan laut.
- Pemakanan dan pengudaraan mikroplastik di negara Asia, Afrika dan Amerika **meningkat enam kali ganda** dari tahun 1990 hingga 2018. Dengan menghapuskan 90% sisa plastik di sungai dan lautan seluruh dunia, pengambilan mikroplastik akan menurun lebih daripada 48% terutama di Asia Tenggara.
- Mikroplastik mendatangkan **pelbagai kesan negatif** terhadap kesihatan manusia seperti meningkatkan risiko kanser, kecederaan paru-paru dan penyakit autoimun. Kerajaan perlu memberikan insentif bagi meningkatkan teknologi rawatan air dan amalan pengurusan sisa pepejal yang berkesan.
- Kebimbangan mengenai pencemaran mikroplastik ini juga diburukkan dengan keadaan sungai kita yang tercemar, apabila Jabatan Alam Sekitar mendapati sebanyak **25 daripada 672 sungai** yang dipantau berada dalam kategori tercemar. 486 sungai dikategorikan sebagai bersih manakala 161 sederhana.
- Antara sungai yang tercemar ialah Sungai Jawi (Pulau Pinang), Sungai Bakar Arang (Kedah), Sungai Buloh (Selangor), Sungai Kerayong (Kuala Lumpur) dan Sungai Adong (Sarawak).

- Dalam hasrat Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang maju dan berdaya saing, kita tidak boleh mengorbankan kesihatan rakyat dan kelestarian sumber alam.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-pertimbang-undangundang-khas-tangani-pembuangan-dan-pencemaran-plastik-473712
- https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/06/05/our-alarming-plastic-diet
- https://www.malaysiakini.com/letters/708382
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/25-sungai-di-enam-negeri-dikategorikan-tercemar-tpm-fadillah-473697

Dinamika Politik Ideologi Selepas Pilihanraya India

- Narendra Modi merupakan pemimpin kedua daripada **Parti Bharatiya Janata (BJP)** yang telah dipilih menjadi Perdana Menteri India selepas Jawaharlal Nehru pada tahun 1947 sehingga 1964.
- Pada pilihan raya umum baru-baru ini, BJP memenangi **240 kerusi** daripada keseluruhan kerusi yang dipertandingkan iaitu **543 kerusi** parlimen. Bilangan kerusi ini menurun berbanding pilihan raya umum tahun 2019 apabila BJP telah berjaya memenangi sebanyak **353 kerusi**.
- Sementara itu, parti lawannya iaitu **Parti Kongres India (INC)** pula berjaya memperoleh **99 kerusi**. INC telah berjaya memperkukuh pengaruhnya pada pilihan raya umum kali ini dengan pertambahan kerusi sebanyak 47 kerusi. Gabungan pembangkang telah berjaya membentuk 234 kerusi, ini menjadikan kedudukan mereka di parlimen akan menjadi lebih kuat di parlimen.
- Disebabkan BJP gagal memperoleh majoriti tipis dalam pilihan raya umum baru-baru ini, parti tersebut telah bergabung dengan **Pakatan Demokrasi Nasional (NDA)** bagi membentuk kerajaan.
- Di sebalik kejayaan Modi membentuk kerajaan, kedudukan parti tersebut sebagai parti yang menguasai India dilihat tidak kukuh. Hal ini kerana dua parti yang bersama-sama dalam gabungan NDA tersebut iaitu Parti Tegulu Desam dan Janata Dal (United) memegang **ideologi yang berbeza**.
- Dari sudut ideologi politik, BJP adalah parti politik pro-Hindu yang mengangkat **semangat nasionalisme Hindu** sebagai aspirasi utama. Manakala **Janata Dal (United)** adalah sebuah parti yang mempromosi idealogi **sekularisme dan keadilan sosial** (sosialisme) yang diiktiraf di Bihar, India.
- Pada pilihan raya umum 2019, JD(U) telah memenangi 16 kerusi dan menjadi parti ketujuh terbesar di Lok Sabha. Pada pilihan raya umum baru-baru ini, JD

(U) telah kehilangan 4 kerusi dan telah menyertai gabungan NDA untuk membentuk kerajaan.

- **Parti Telugu Desam (TDP)** pula diwujudkan bagi membawa **suara golongan pertengahan dan bawahan**. TDP telah muncul sebagai kuasa politik yang terpenting di Andhra Pradesh. Parti itu telah diasaskan oleh Nandamuri Taraka Rama Rao pada awal 1980-an. TDP mempromosikan prinsip tadbir urus berasaskan kebajikan dalam mengangkat aspirasi rakyat. TDP telah berjaya memenangi 16 kerusi dalam pilihan raya umum 2024 dan menjadi sebahagian gabungan kerajaan.

Seats won by NDA

Party name	Abbreviation	Party leader	Lok Sabha seats
Bharatiya Janata Party	BJP	Jagat Prakash Nadda	240
All Jharkhand Students Union	AJSUP	Sudesh Mahto	1
Apna Dal (Soneylal)	AD(S)	Anupriya Patel	1
Asom Gana Parishad	AGP	Atul Bora	1
Hill State People's Democratic Party	HSPDP	K P Pangniang	0
Janata Dal (Secular)	JD(S)	H D Deve Gowda	2
Janata Dal (United)	JD(U)	Nitish Kumar	12
Lok Janshakti Party (Ram Vilas)	LJPRV	Chirag Paswan	5
Nationalist Congress Party	NCP	Ajit Pawar	1
Shiv Sena	SHS	Eknath Shinde	7
Sikkim Krantikari Morcha	SKM	Prem Singh Tamang	1
Telugu Desam Party	TDP	N. Chandrababu Naidu	16
United People's Party Liberal	UPPL	Pramod Boro	1
Hindustani Awam Morcha	HAM	Jitan Ram Manjhi	1
Jana Sena Party	JSP	Pawan Kalyan	2
Rashtriya Lok Dal	RLD	Chowdhry Jayant Singh	2

- Kerjasama antara parti-parti yang berbeza ideologi dalam satu gabungan politik dalam NDA di India boleh memberi kesan yang positif ataupun negatif. Dari sudut **kesan positif** ia akan memupuk perpaduan yang lebih luas, menghasilkan kerjasama kolektif yang lebih besar dan saling berkompromi bagi meraih situasi menang-menang.

- Manakala dari sudut **kesan negatif** ia akan mewujudkan ketidakstabilan politk, ketidakpuasan penyokong parti, ketegangan dan konflik dalam gabungan,

serta kesukaran dalam menentukan dasar negara. NDA perlu menguruskan perkara ini secara cermat bagi mengukuhkan kerjasama politik.

RUJUKAN

- https://www.business-standard.com/elections/lok-sabha-election/which-parties-are-part-of-the-nda-and-the-seats-they-won-in-2024-elections-124060500874_1.html
- https://www.aljazeera.com/news/2024/6/6/mapping-the-results-of-the-india-election-2024
- https://www.business-standard.com/about/what-is-janata-dal-united
- https://medium.com/@riyasharmaseo6/the-ideological-foundation-of-tdp-a-historical-perspective-548034e740ad
- https://www.britannica.com/topic/Bharatiya-Janata-Party



1st SEACOFSS

SOUTHEAST ASIA CONFERENCE ON FOOD SECURITY AND SUSTAINABILITY

THEME:

"Nourishing Futures: Sustainable Food Security with Climate-Smart Solutions"

Extension date 16 JUN !

DATE 17 & 18 NOVEMBER

VENUE HOTEL PERDANA KOTA BHARU

ORGANIZER

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

COLLABORATION

Universiti Malaysia KELANTAN

BEST ORAL PRESENTER will be awarded to each theme !

We are open for bulk registration.

SUBMISSION AT:

https://tinyurl.com/abstractsubmissionseacofss2024

FURTHER INFO:
https://www.seacofss.com

https://www.facebook.com/seacofss

SCOPE & SUB-THEMES

- Climate Change And Food Security Policy Sustainable
- Technology And Digitalization Agricultural Economics
- Climate Change And Disaster Management
- Food Safety And Nutrition
- Logistics And Food Supply Chains
- Environmental Economics
- Environmental Management
- Energy Transition
- Competitive Food Industry

PUBLICATION

1. Selected papers will be published indexed journals:
   - Jurnal Kejuruteraan (UKM)
   - Journal Of Sustainability Science And Management (UMT)
2. All accepted papers will be published in SEACOFSS 2024 Proceeding with ISSN.

CALL FOR PAPERS!

IMPORTANT DATES (2024)

30 June : Abstract acceptance notification
28 July : Early bird registration deadline
8 September : Registration deadline

2 ZERO HUNGER | 7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY | 9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE | 12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION | 13 CLIMATE ACTION | 17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS

Hanisah (+6013-980 5362) | hanisah@yslestari.org.my
Dr Norazuwana (+603-8911 8528) | norazuwanashaari@ukm.edu.my
Program Email | info@seacofss.com

PENCARIAN
PENULIS E-MAJALAH NEXUS+

EDISI KE-2

TEMA PENULISAN



KELEBIHAN

- ✓ Nilai tambah portfolio dalam resume
- ✓ Idea/karya akan dijadikan rujukan umum
- ✓ Kredit nama dalam penerbitan majalah dengan perakuan pendaftaran e-ISSN

TERMA DAN SYARAT

1. Artikel mestilah ditulis sama ada dalam **Bahasa Melayu** atau **Bahasa Inggeris**.
2. Teks hendaklah ditulis dalam fon **Arial**, dengan **saiz 14 untuk tajuk**, saiz **12 untuk perenggan, *justify*** dan **1.5 jarak perenggan**.
3. Jumlah perkataan untuk artikel hendaklah di antara **600-700 patah perkataan**, tidak termasuk tajuk, maklumat pengarang, rujukan dan sebarang lampiran.
4. Semua artikel yang dihantar **hendaklah mengikut tema** yang ditetapkan.
5. **Rajah boleh dikepilkan (jika perlu)** dan kapsyennya mestilah diletakkan di bahagian bawah imej (tengah).
6. Jadual (jika perlu) dan kapsyennya mestilah diletakkan di atas jadual.
7. Artikel hendaklah dihantarkan kepada emel: **penyelidik@yslestari.org.my**.

TARIKH TUTUP: 23 JUN 2024

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Yayasan Strategik Lestari
www.yslestari.org.my

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**